

'Lagu Negaraku tak boleh dinyanyikan dalam bahasa lain'

BH - 9/12/2019 m/s: 14

PM tegas rakyat patut tahu seperti termaktub Perlembagaan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Syalikhha Sazili
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Lagu *Negaraku* tidak boleh dinyanyikan dalam bahasa lain selain bahasa kebangsaan oleh rakyat negara ini, tegas Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia sepatutnya tahu menyanyikan lagu *Negaraku* dalam bahasa kebangsaan kerana ia termaktub dalam Perlembagaan.

Katanya, apa yang dibenarkan hanya terjemahan lagu *Negaraku* ditulis dalam bahasa lain bagi orang bukan Melayu memahami maksudnya yang sebenar.

"Kita tidak boleh nyanyi (*Negaraku*) dalam bahasa lain, tetapi makna lagu *Negaraku* dimasukkan ke dalam buku bagi orang bukan Melayu boleh faham perkataannya.

"Untuk menyanyi tetap kerana guna bahasa kebangsaan kita," katanya selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Jabatan dan Pimpinan PH Langkawi, di sini, semalam.

Jumaat lalu, Kementerian Pendidikan dalam kenyataan mengumumkan akan melakukan siasatan terperinci berhubung penulisan video murid sebuah sekolah menyanyikan lagu *Negaraku* dalam bahasa Mandarin.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin dipetik berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar Perlembagaan sama ada dilakukan secara sengaja atau tidak.

Selain itu, mengulas mengenai isu kereta terbang yang dibangkitkan pada Konvensyen Nasional Parti Amanah Negara (AMANAH) 2019, Dr Mahathir menjelaskan persepsi rakyat terhadap projek itu perlu diubah.

"Silapnya adalah kerana ia dipanggil kereta terbang. Sebenarnya adalah dron besar yang boleh membawa orang.

"Dron ini boleh bawa orang dari tempat ke suatu tempat lain. Kalau kereta kena pakai jalan, dron ini boleh terbang," katanya.

Perwakilan AMANAH Pahang ketika membahaskan ucapan dasar presiden kelmarin, mendakwa projek kereta terbang dianggap memalukan sehingga sukar dijelaskan kepada rakyat.

Dr Mahathir berkata, rakyat juga tidak dipaksa untuk menerima idea projek itu jika tidak sukakannya.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pula berkata tindakan tegas akan dikenakan terhadap pihak sengaja mahu menimbulkan kekusaran awam serta melakukan tindak-tanduk yang boleh menggugat keharmonian negara.

Beliau berkata, isu penghinaan bendera dan lagu kebangsaan serta aktiviti untuk memperingati atau menghidupkan semula pergerakan komunis di negara ini yang menjadi viral, sedang disiasat.

Tegasnya, beliau memandang serius perkembangan tidak sihat itu yang disifatkan satu provokasi untuk mengeruhkan keadaan di dalam negara.

"Tindakan menghina lambang negara terutama Jalur Gemilang dan lagu *Negaraku* amat tidak bertanggungjawab dan tidak melambungkan semangat patriotisme.

"Pada masa sama, penganjuran sebarang aktiviti untuk memperingati atau menghidupkan semula pergerakan komunis di negara ini tidak sepatutnya berlaku dan wajar dihentikan.

"PDRM (Polis Diraja Malaysia) sudah mula menjalankan siasatan terhadap insiden ini dan saya sudah mengarahkan supaya perkembangan siasatan dimaklumkan kepada umum dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Sementara itu, Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata Lagu *Negaraku*, Jalur Gemilang dan Rukun Negara yang merupakan simbol semangat patriotik dan rasa kecintaan kepada negara, tidak boleh dipersendakan atau ditukar dalam apa jua bentuk.

"Semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama harus hormat lagu *Negaraku*, Jalur Gemilang dan lima prinsip Rukun Negara.

"Apa yang saya perhatikan sekarang, kemajuan teknologi maklumat menyebabkan generasi muda mengabaikan kepentingan ketiga-tiga elemen itu. Kita jangan leka sehingga rasa cinta pada negara pudar," katanya kepada BERNAMA.